

14/01/1999

Pasukan petugas mantau projek desa

KUALA LUMPUR, Rabu - Sebuah pasukan petugas khas akan ditubuhkan bagi memantau semua rancangan pembangunan luar bandar, termasuk Projek Jalan Kampung (PJK) menerusi konsep payung yang dihidupkan semula sehingga tahun 2000.

Pasukan petugas khas itu akan dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan disertai semua agensi yang terbabit dalam pembangunan luar bandar.

Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Annuar Musa, berkata pasukan petugas khas itu akan menangani masalah dan bertindak proaktif dalam menyejajarkan semua projek yang dirancang.

Menurutnya, ahli pasukan petugas itu akan ditentukan oleh Kabinet.

"Pasukan ini akan membuat laporan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pembangunan Luar Bandar selain mengemukakan cadangan pembangunan baru.

"Pendekatan ini dijangka dapat mempercepatkan Program Pembasmian Rakyat Termiskin (PPRT) serta memantapkan kemudahan infrastruktur," katanya di sini hari ini.

Annuar juga berkata, PJK yang sebelum ini diarah dihentikan oleh bekas Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kerana kelewatan menyiapkan projek terbabit, akan diteruskan sehingga tahun 2000.

Serentak itu, katanya, peruntukan RM225 juta disediakan bagi pelaksanaan PJK tahun ini untuk membiayai 3,888 projek pembinaan jalan raya sejauh 3,545 kilometer yang dijangka siap Julai depan.

Syarikat pembinaan serta jururunding baru akan disediakan bagi negeri yang menerima peruntukan tambahan, manakala syarikat sedia ada yang kurang berprestasi akan digugurkan daripada senarai kontraktor projek tahun ini.

Lebih 80 peratus persediaan awal projek berdasarkan cadangan Ahli Parlimen, Wakil Rakyat, Pusat Pembangunan Negeri selain permohonan terus kepada kementerian itu, sudah selesai diselaras. Pembinaan dijangka bermula akhir bulan ini.

Selaras peningkatan 15 peratus bagi peruntukan PJK tahun ini, syarikat anak payung juga dijangka meningkat kepada 2,500 termasuk yang sedia ada dan menunjukkan prestasi baik.

Annuar berkata, proses pengeluaran surat tawaran serta bil kuantiti kepada kontraktor akan dipercepatkan supaya lebih banyak pembinaan dapat diselesaikan dalam masa singkat.

Menurutnya, semua 3,888 projek yang dirancang tahun ini dijangka siap dalam tempoh empat bulan (April depan) berbanding hanya sekitar 2,000 projek yang dilaksanakan dalam tempoh lapan bulan tahun lalu.

(END)